

06/10/2003

Sikap degil Singapura jejaskan hubungan

KEDEGILAN Singapura tidak mempedulikan bantahan Malaysia apabila meneruskan kerja penambakan pantai di republik itu ketika kes berkenaan sudah dirujuk ke Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut (ITLOS) di Hamburg, Jerman, untuk diputuskan, jelas menunjukkan sikap mereka yang langsung tidak menghormati ITLOS dan desakan kita yang mahu kerja berkenaan dihentikan kerana ia didapati bukan saja merosakkan alam sekitar, malah menjejaskan perairan negara. Oleh itu, amatlah wajar bagi Malaysia menghantar nota bantahan kepada Singapura berikutan seperti dibayangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Sebenarnya, sejak awal lagi Singapura yang enggan berunding dengan kita walaupun ketika di tribunal, republik itu mendakwa Malaysia mengambil tindakan terburu-buru membawa pertikaian berkenaan ke ITLOS untuk mendapat perintah sementara, terutama menggantung projek berkenaan. Berdasarkan pertukaran nota diplomatik sejak kes itu bermula, ternyata Malaysia sudah mengadakan lima pusingan pertukaran nota diplomatik dengan republik berkenaan, membantah projek penambakan dan mengemukakan cadangan untuk mengadakan rundingan, tetapi Singapura yang menolaknya. Jadi, Malaysia tiada pilihan kecuali merujuk pertikaian berkenaan kepada ITLOS.

Dalam hal ini, merujuk kes pertikaian ke tribunal adalah perkara biasa, tetapi apa yang dikesalkan ialah sikap degil Singapura. Sebelum ini, kita pernah merujuk kes pertikaian kita dengan Indonesia membabitkan Pulau Sipadan dan Ligitan ke tribunal dan sepanjang tempoh perbicaraan kedua-dua pihak mengekalkan status quo, tanpa sebarang tindakan yang boleh menimbulkan kemarahan pihak lain. Bagaimanapun, Singapura mengambil pendirian berbeza, terus menjalankan kegiatan menambak pantai yang jelas memancing kemarahan kita. Malah, dalam kes Pulau Batu Putih yang sudah dirujuk ke Mahkamah Antarabangsa di Belanda, mereka juga enggan menghormatinya.

Hakikatnya, dalam isu yang membabitkan kepentingan bersama. Singapura langsung tidak sensitif dengan kita. Setiap kali kita bersetuju duduk berunding dengan mereka bagi menghuraikan masalah, ia pastinya berakhir dengan kebuntuan. Rundingan semakan harga bekalan air dari Johor, pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF), pencerobohan ruang udara, pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pemindahan pusat pemeriksaan Kastam dan Imigresen (CIQ) sudah lama terbantut. Malah, dalam kes pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor, keengganan Singapura bekerjasama menyebabkan Malaysia tidak dapat membina jambatan yang lurus dan terpaksa mengubahsuai bentuknya.